

Headline	Sakit tanggung sendiri		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	30 Nov 2011	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	324,097
Page No	30	Readership	1,981,000
Language	Malay	ArticleSize	229 cm ²
Journalist	Adnan Mohamad	AdValue	RM 6,585
Frequency	Daily	PR Value	RM 19,755



Risiko dijangkiti HIV nikah wanita Thailand

Sakit tanggung sendiri

>>Oleh Adnan Mohamad
am@hmetro.com.my

KOTA BHARU: Lelaki negara ini khususnya yang berkahwin dengan wanita Thailand berisiko dijangkiti penyakit seperti HIV kerana pasangan yang berkahwin di negara jiran itu tidak diwajibkan menjalani pemeriksaan bagi mengesan sebarang penyakit.

Paling terdedah kepada risiko itu, lelaki yang 'kahwin curi' apabila kebanyakannya mengahwini wanita Thailand yang tidak diketahui status kesihatannya dan tambah sengsara jika mereka memindahkan pula penyakit itu kepada isteri pertama.

Naib Yang Dipertua Majlis Agama Islam Narathiwat (Main), Abdul Aziz Che Ma-

mat ketika dihubungi berkata, kerajaan Thailand tidak mensyaratkan pasangan yang bakal berkahwin menjalani ujian HIV.

Katanya, bagi lelaki Malaysia yang berkahwin dengan wanita Thailand, mereka perlu menanggung sendiri risiko jika isteri dikahwini menghidap HIV.

"Kita tidak pernah memberi syarat supaya pasangan yang ingin berkahwin di sini menjalani ujian kesihatan.

"Jika lelaki Malaysia ingin berkahwin dengan wanita Thailand, mereka perlu menyasat latar belakang pasangan dengan lebih mendalam dan jangan hanya memandang kepada luaran saja," katanya.

Menurutnya, pihaknya memuji langkah kerajaan Malaysia mensyaratkan pas-

angan yang ingin berkahwin menjalani ujian saringan HIV sebelum berkahwin dan berharap langkah seperti itu turut dipraktikkan di Thailand untuk tujuan keselamatan.

"Setiap bulan ada kira-kira 30 lelaki Malaysia berkahwin dengan wanita Thailand dan pasangan dari Malaysia berkahwin di sini.

"Bagi yang berkahwin dengan wanita Thailand, kita memang tidak mengetahui status kesihatan mereka dan jika wanita dikahwini dijangkiti HIV, mereka terpaksa menanggung akibatnya," katanya.

Sebelum ini akhbar melaporkan Presiden Persatuan Perubatan HIV Malaysia (MaSHM), Dr Mahiran Mustafa berkata sikap suka 'kahwin curi' lelaki di negeri ini

dengan wanita Thailand berbahaya kerana pasangan yang dikahwini tidak melalui ujian saringan HIV bagi menentukan tahap keselamatan

kesihatan mereka sama ada dijangkiti HIV atau tidak.

"Kita bukannya menyekat perkahwinan, namun ia hendaklah melalui kaedah yang diluluskan dalam usaha menghindar peningkatan penyakit itu (HIV). Kita hanya dapat mengesan pasangan 'kahwin curi' itu dijangkiti HIV ialah ketika melakukan pemeriksaan kandungan dan yang di-kesali ialah ia akan memberi kesan terhadap bayi yang dikandung itu.

"Usaha menghapuskan penyakit ini ke sifar di negeri sempadan seperti Kelantan adalah sukar," katanya.



ABDUL AZIZ...tiada ujian HIV dijalankan